

KEPENTINGAN ILMU PERBANDINGAN AGAMA DALAM MODUL PENGURUSAN MUALAF DI NEGERI SEMBILAN: ANALISIS PERSPEKTIF DA^CI DAN MAD^CU

Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R¹, Azman, A.R², Irwan, M.S³, Mahazan, A.M⁴, Nuradli Ridzwan Shah, M.D⁵, Rose Irnawaty, Ibrahim⁶ & Norlina Ismail⁷



ABSTRACT

This article discusses the importance of comparative religion in the mualaf management module in Negeri Sembilan from the perspectives of both: Mad'u and Da'i. Comparative religion is a discipline of study which discusses comparatively the histories, beliefs, practices, ethics and many other religious aspects between two or more religions. In

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: wmfazrul@usim.edu.my.

² Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: azman@usim.edu.my.

³ Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: irwan@usim.edu.my.

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: mahazan@usim.edu.my.

⁵ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: nuradli@usim.edu.my; mohdddalins@yahoo.com.

⁶ Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: rose.irnawaty@usim.edu.my.

⁷ Calon Pelajar Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: linaismail29@gmail.com.

the Islamic history, there were many early and modern Muslims, who converted to Islam for they were touched by facts from the reasonings in the comparative religions. The focuses for this research on the importance of comparative religion in the mualaf management module are both, namely perspectives from the religious teachers and also from the converts of Negeri Sembilan. Primary data for this research was collected from the distribution of questionnaires to 20 convert respondents and 5 religious teacher respondents, which was also based on purposive sampling theory. Generally, all respondents from both groups gave positive responds on the importance of comparative religion in the mualaf management module. All of them agree that the inclusion of comparative religion in the mualaf management module could increase Islamic understanding among the converts, including in the faith, worship and ethical aspects. This article suggests that all Malaysian mualaf training centres specifically, and all international Muslim convert training centres generally, to integrate this discipline into their modules. From integrating elements of comparative religion into the mualaf management modules, all converts can increase their understanding and internalization of Islamic teachings through comparative study of other religions vis-a-vis Islam.

Kata kunci: Comparative religion, Mualaf management module, Negeri Sembilan, Mad^cu perspective and Daⁱ perspective.

ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan kepentingan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf di Negeri Sembilan dengan menganalisis perspektif da*i* dan mad*c*u. Ilmu perbandingan agama adalah sebuah ilmu yang membahaskan berkenaan aspek-aspek dalam agama seperti sejarah, kepercayaan, amalan, akhlak dan lain-lain secara perbandingan antara dua atau lebih agama. Dalam catatan sejarah Islam, terdapat ramai orang Islam awal dan moden yang memeluk Islam kerana tersentuh dengan ilmu perbandingan agama. Tumpuan kajian kepentingan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf ini adalah dengan melihat kepada dua sisi yang utama iaitu perspektif mualaf dan perspektif pengajar mualaf di Negeri Sembilan. Data primer bagi kajian ini telah diperolehi*

daripada pengedaran borang kaji selidik (questionnaires) kepada 20 orang responden daripada kalangan mualaf dan 5 orang pengajar mualaf. Pengagihan borang soal selidik ini dibuat berdasarkan teori persampelan purposif. Secara keseluruhannya, kesemua responden daripada kalangan mualaf dan pengajar mualaf memberikan respon yang positif berkenaan kepentingan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf. Kesemua mereka bersetuju bahawa penerapan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan para mualaf, termasuklah dari sudut ketuhanan (akidah), ibadah dan akhlak. Artikel ini mencadangkan agar kesemua institusi pengajaran dan latihan mualaf di Malaysia khususnya, atau antarabangsa umumnya, untuk menerapkan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf masing-masing. Menerusi penerapan kandungan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf, para mualaf akan dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan mereka berkenaan ajaran Islam secara perbandingan dengan agama-agama lain.

Kata kunci: *Ilmu Perbandingan Agama, Modul Pengurusan Mualaf, Negeri Sembilan, Perspektif Madu dan Perspektif Dai.*

PENDAHULUAN

Hidup beragama adalah sifat dan fitrah manusia. Selain daripada perlu makan, minum, dikesih, hidup berdampingan dengan alam dan sesama manusia; agama juga merupakan keperluan utama bagi setiap manusia. Menurut Profesor F. Max Muller (1823-1900):

“Agama bukanlah suatu penemuan yang baru. Biarpun ianya tidak setua dunia yang tidak kita ketahui, tetapi ia adalah setua dunia yang kita ketahui. Sesudah sahaja kita mengetahui hampir semua pemikiran dan perasaan manusia, kita mendapati bahawa manusia memiliki agama atau agama yang memilikinya. Dokumen-dokumen tulisan tertua hampir kesemuanya di setiap tempat adalah bersifat keagamaan. “Dunia kita,” seperti yang dikatakan oleh Herder (Johann Gotfried von Herder, ahli sejarah, falsafah dan teologi bangsa Jerman yang lahir tahun 1744 dan meninggal dunia tahun 1803), “meminjam benih

semua kebudayaan yang lebih tinggi daripada tradisi keagamaan, sama ada tulisan atau lisan.” (Muller, 1901, 4)

Hal ini juga turut dipersetujui oleh Islam. Agama Islam adalah agama yang tertua di dunia berdasarkan kepada konsep *creatio ex nihilo* (makhluk diciptakan daripada tiada kepada ada) seperti yang telah diceritakan secara panjang lebar dalam Surah al-Baqarah 2: ayat 30 – 40 dan Surah al-Mu’minun 23: ayat 12 -16. Ini menjadi antitesis kepada dakyah beberapa tokoh pemikiran Barat seperti Karl Marx (1818-1883) di mana agama itu adalah candu kepada masyarakat; (Raines, 2002, 5) atau Sigmund Freud (1856-1939) di mana agama itu adalah ilusi; (1961) atau delusi ketuhanan menurut Richard Dawkins (lahir 1941). (2006)

Dalam sebuah kajian bertajuk *Peranan Dan Nilai Agama Dalam Kehidupan Belia Di Lembah Klang* (2011), kebanyakan responden seperti Melayu, India, Cina dan lain-lain etnik menganggap agama membantu dalam menyelesaikan masalah dalam hidup. Semakin tinggi pergantungan kepada tuhan, maka semakin tinggilah juga agama untuk membantu menyelesaikan masalah dan menyeimbangkan antara keperluan fizikal, emosi, rohani, intelek dan sosial manusia.

Oleh kerana agama merupakan salah satu keperluan manusia, ramai manusia yang mempelajari agama untuk mencari dan memilih agama yang paling benar dalam pandangan masing-masing. Pencarian dan pemilihan agama ini selalunya dibuat menerusi penglibatan seseorang individu dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama. Artikel ini mencadangkan ilmu perbandingan agama untuk turut dimasukkan dalam modul pengajaran mualaf di Negeri Sembilan. Artikel ini akan menganalisis pandangan da'i dan mad'u berkenaan kepentingan ilmu perbandingan agama dan sumber pengajaran modul bagi tujuan ini.

ILMU PERBANDINGAN AGAMA

Ilmu perbandingan agama adalah sebuah ilmu yang membahaskan berkenaan aspek-aspek dalam agama seperti sejarah, kepercayaan, amalan, akhlak dan lain-lain secara perbandingan antara dua atau lebih agama. Dalam catatan sejarah Islam, terdapat ramai orang Islam awal yang memeluk Islam kerana tersentuh dengan ilmu perbandingan agama. Ini termasuklah dalam kalangan Sahabat *Radiya Allahu Anhum*,

Tabi‘in dan Atba‘ al-Tabi‘in Rahimahum Allahu Alayhim. Contohnya, Salman al-Farisiyy yang dahulunya merupakan seorang Majusi penyembah berhala, kemudian menganut agama Nasrani dan akhirnya memeluk Islam setelah membanding-bandangkan ajaran antara agama-agama ini. (Al-Suyutiyy, 1967, Jilid. 1, 45-48 dan al-Asbahaniyy, 1998, 1327-1321)

Malah, di Malaysia, Tuan Haji Ayub Abdul Rahman dan Shah Kirit merupakan antara individu yang telah memeluk Islam kerana menggunakan kaedah perbandingan agama dalam cuba memahami kebenaran agama Islam. Di peringkat antarabangsa pula, individu seperti Maryam Jameelah (1992) dan Muhammad Asad juga merupakan antara mereka yang berjaya menghayati agama Islam menerusi kaca mata ilmu perbandingan agama. (2001)

Secara umumnya, ilmu perbandingan agama ini dapat menjadi alat untuk meneguhkan iman, meningkatkan amalan dan mendalamkan penghayatan seseorang berkenaan kebenaran Islam. Contohnya, seseorang itu tidak akan mengetahui nikmatnya kenyang, setelah dia melalui kepayahan berlapar. Begitulah juga, seseorang itu tidak akan mengetahui nikmatnya kehidupan, melainkan setelah melalui kematian. Dalam konteks artikel ini, seseorang itu tidak akan mengetahui nikmatnya kebenaran, hanyalah setelah melihat beberapa pandangan berlainan dalam agama-agama lain.

Dalam ungkapan Imam al-Isfarayiniyy (wafat 471H) melalui Kitab *Al-Tabsir fi Al-Din* dan telah dipegang oleh jumhur ulama Islam dalam ilmu perbandingan agama, beliau mengungkapkan seperti berikut:

عُرِفَ الشَّرُّ لَا لِلشَّرِّ وَلَكِنْ لِتَوْقِيهِ
وَمَنْ لَمْ يَعْرِفْ الشَّرِّ يَقُولَ فِيهِ

Maksudnya: *Aku mengetahui kejahatan bukanlah kerana kejahatan itu, tetapi untuk membendungnya. Barang siapa yang tidak mengetahui kejahatan mungkin terjebak dengannya.*

(2010, 13)

Dalam ungkapan hikmah ini, para ulama Islam mempelajari perkara yang bercanggah dengan kebenaran untuk mendapatkan pencerahan yang lebih mendalam berkenaan maksud dan hakikat kebenaran. Malah, dengan mengetahui perkara yang bercanggah dengan kebenaran, seseorang itu berupaya mengelakkan dirinya

daripada terjebak atau terjerumus dalam perkara-perkara yang diiktiraf sebagai kebatilan dan kejahatan.

Para orientalis bukan Muslim turut mengiktiraf ilmu perbandingan agama sebagai sumbangan Islam kepada dunia. Misalnya, Adam Metz (1869-1917) dalam *The Renaissance of Islam* yang mengakui kesuburan toleransi beragama dalam Islam adalah hasil daripada ilmu ini. (1937, 32, 209-210) Begitu juga Professor Franz Rosenthal (1914-2003) yang mengiktiraf sumbangan Islam dalam bidang ini. (Lawrence, 1976, 5) Professor Emeritus Eric John Sharpe (1933 – 2000) pula mengangkat Kitab *al-Milal wa al-Nihal* oleh Imam al-Shahrastaniyy sebagai kitab pertama dalam sejarah dunia yang mengumpulkan sejarah agama-agama. (Sharpe, 1986, 11)

H.U. Weitbrecht Stanton (1851-1937) mengiktiraf, “*no other scripture in the world teaches comparative religion as the Al-Quran.*” (Ghulam Haider Aasi, 1989, 65) Oleh itu, sumber utama bagi ilmu perbandingan agama Islam adalah al-Quran al-Karim. Bagi para pengkaji Muslim dalam bidang ini, sumber-sumber lain bagi ilmu perbandingan agama turut diikuti dengan al-Sunnah al-Nabawiyah dan pandangan para alim ulama dalam pelbagai bidang seperti *Kalam*, *Falsafah*, *Fiqh*, *Usul Fiqh*, *Tasawwuf*, *Sirah*, *Tarikh* dan banyak lagi. Terdapat banyak rujukan ilmiah hasil karangan ulama Islam yang boleh digunakan untuk tujuan pengajaran mualaf ini seperti: *al-Milal wa al-Nihal* karangan Imam al-Shahrastaniyy (1993), *al-Radd al-Jamil Li Ilahiyyah Isa Bi Sirih al-Injil* oleh Imam al-Ghazaliyy (1420H), *al-Jawab al-Sahih Li Man Baddala Din al-Masih* oleh Imam Ibn Taimiyyah (1999), *Hidayah al-Hayara Fi Ajwibah al-Yahud Wa al-Nasara* oleh Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1407H), *Muqaranat al-Adyan: al-Diyanat al-Qadimah* oleh Professor Dr Muhammad Abu Zahrah (1965), *Muqaranah al-Adyan* dalam empat jilid karangan Profesor Dr Ahmad Shalabiyy (1988) dan banyak lagi rujukan kontemporari.

Oleh itu, ramai peneliti bagi sirah Nabi SAW akan mendapatkan Baginda SAW turut menggunakan pendekatan perbandingan agama dalam kegiatan dakwahnya kepada mereka yang beragama Islam dan bukan Islam. Contoh ini boleh dilihat melalui surat dakwahnya kepada Kaisar Rom yang menggunakan kisah Nabi Isa dan ibunya Maryam AS dalam mendekatkan perasaan antara umat Islam dan Kristian. (Muhammad Ibn Tulun, 1987, 67-80) Malah, terdapat beberapa contoh lain seperti dalam hadis Baginda SAW yang menyebutkan secara perbandingan antara agama Islam dan agama samawi

yang lain contohnya dalam isu akidah,⁸ sahur,⁹ azan,¹⁰ syiar-syiar

⁸ Dalam Surah al-Tawbah 9: ayat 0-31 dinyatakan:

وَقَالَتْ يَهُودُ عَزِيزٌ أَبْنَ اللَّهِ وَقَالَتْ النَّصَارَى الْمَسِيحُ أَبْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَهِهِمْ
يُضَاهُونَ كَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلٍ فَتَاهُمُ اللَّهُ أَنَّ يُؤْفَكُونَ ۝ أَخْدُوا أَحْبَارَهُمْ
وَرَهَبَنَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحُ أَبْنُ مَرِيمَ وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْدُوا إِلَيْهَا وَاحِدًا لَا
إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشَرِّكُونَ ۝

Maksudnya: Dan orang-orang Yahudi berkata: Uzair ialah anak Allah dan orang-orang Nasrani berkata: Al-Masih ialah anak Allah. Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri, (iaitu) mereka menyamai perkataan orang-orang kafir dahulu; semoga Allah binasakan mereka. Bagaimanakah mereka boleh berpaling dari kebenaran? (30) Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah dan juga (mereka mempertuhankan) Al-Masih Ibni Mariam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan. (31)

⁹ Dalam Musnad Imam Ahmad ibn Hanbal (1999, hadis no. 17762, jil. 29, hal. 279) dinyatakan:

عَنْ عَمِيرِ بْنِ الْعَاصِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصُلُّ مَا بَيْنَ
صِيَامِكُمْ وَبَيْنَ صِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ أَكْلُهُ السَّحْرَ

Maksudnya: Dari 'Amru Ibn al-'As RA, berkata Rasulullah SAW: Perbezaan antara puasa kamu dan puasa Ahli Kitab adalah memakan sahur.

¹⁰ Dalam Sunan Abi Daud, (1997, hadis no. 498, jil. 1, hal. 239-240) diriwayatkan perbandingan antara kaedah agama-agama lain dalam memanggil para pengikutnya untuk beribadat:

عَنْ أَبِي عُمَيْرِ بْنِ أَنَسٍ عَنْ عُمُومَةِ لَهُ مِنَ الْأَنْصَارِ قَالَ اهْتَمَ النَّبِيُّ -صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- لِلصَّلَاةِ كَيْفَ يَجْمِعُ النَّاسَ لَهَا فَقَيْلَ لَهُ انْصَبْ رَأْيَهُ عِنْدَ حُضُورِ
الصَّلَاةِ فَإِذَا رَأَوْهَا آدَنَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا فَلَمْ يُعْجِبْهُ ذَلِكَ قَالَ فَذُكِرَ لَهُ الْقُنْعَنُ - يَعْنِي
الشَّبُورَ - وَقَالَ زِيَادٌ شَيْوَرَ الْيَهُودِ فَلَمْ يُعْجِبْهُ ذَلِكَ وَقَالَ «هُوَ مِنْ أَمْرِ الْيَهُودِ». .
قَالَ فَذُكِرَ لَهُ النَّاقُوسُ فَقَالَ «هُوَ مِنْ أَمْرِ النَّصَارَى»

Maksudnya: Dari Abu Umair bin Anas dari sebahagian pakciknya dari kaum Ansar, dia berkata; Nabi SAW sangat mementingkan perkara salat, bagaimana cara mengumpulkan orang-orang untuk mengerjakan salat. Maka dikatakan kepada beliau; Tegakkanlah bendera ketika waktu salat telah tiba. Apabila mereka melihatnya, maka sebahagian akan memberitahukan yang lainnya. Namun cadangan itu tidak disukainya. Disebutkan juga kepada beliau, trompet, kata Ziyad; Trompet adalah (simbol) Yahudi, pendapat ini juga tidak disukai beliau, dan beliau bersabda: Itu termasuk perbuatan orang Yahudi. Disebutkan pula kepada beliau SAW supaya memakai loceng, beliau bersabda: Itu perbuatan orang Nasrani.

Islam¹¹ dan banyak lagi. Kesemua ini dilakukan untuk menjelaskan ajaran Islam kepada umat dan menonjolkan sisi berbeza yang dianuti dan diamalkan oleh pengikut-pengikut agama lain yang bercanggah dan berbeza dengan agama Rabbani ini. Hakikatnya, kesemua ini dilakukan oleh Baginda SAW dengan satu tujuan yang murni iaitu untuk menjelaskan kebenaran Islam daripada kebatilan ajaran-ajaran lain selain daripada Islam.

KEPENTINGAN ILMU PERBANDINGAN AGAMA KEPADA MUALAF

Tumpuan kajian kepentingan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf ini adalah di Negeri Sembilan dengan melihat kepada dua sisi yang utama iaitu perspektif mualaf dan perspektif pengajar mualaf. Data primer bagi kajian ini telah diperolehi daripada pengedaran borang kaji selidik (*questionnaire*) kepada 20 responden daripada kalangan mualaf dan lima orang pengajar mualaf. Pengagihan borang soal selidik tersebut dibuat berdasarkan teori persampelan purposif.

Kepentingan Ilmu Perbandingan Agama Dari Perspektif Mualaf

Item	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ilmu perbandingan agama sangat penting untuk meningkatkan kefahaman saya tentang Islam	Setuju	10	50
	Sangat setuju	10	50
	Jumlah	20	100

Jadual 1: Kepentingan Ilmu perbandingan agama

¹¹ Dalam Sunan Abi Daud, (1997, hadis no. 4031, jil. 4, hal. 204) turut diriwayatkan seperti berikut:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- «مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ» .

Maksudnya: Dari Ibn Umar RA, berkata Rasulullah SAW: Barang siapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia merupakan ahli kaum itu.

Kepentingan Ilmu Perbandingan Agama Dalam Modul Pengurusan

Jadual 1 menunjukkan keseluruhan mualaf bersetuju bahawa ilmu perbandingan agama sangat penting untuk meningkatkan kefahaman mualaf tentang Islam. Seramai 10 orang responden (50%) yang sangat bersetuju dan seramai 10 orang responden (50%) juga yang bersetuju dengan pernyataan ini.

Item	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ilmu perbandingan agama akan mengelirukan pemahaman saya tentang Islam	Sangat tidak setuju	5	25
	Tidak setuju	4	20
	Tidak pasti	6	30
	Setuju	1	5
	Sangat setuju	4	20
	Jumlah	20	100

Jadual 2: Ilmu perbandingan agama boleh mengelirukan kefahaman Islam dalam kalangan mualaf

Jadual 2 menunjukkan majoriti responden iaitu sembilan orang (45%) tidak bersetuju bahawa ilmu perbandingan agama akan mengelirukan pemahaman mualaf tentang Islam. Manakala 5 orang responden (25%) bersetuju bahawa terdapat kemungkinan yang ilmu perbandingan agama boleh mengelirukan pemahaman mualaf tentang Islam. Selebihnya iaitu 6 orang responden (30%) tidak pasti dengan pernyataan ini.

Item	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Perbandingan aspek ketuhanan antara agama-agama dapat meningkatkan kefahaman saya tentang Islam	Tidak setuju	1	5
	Tidak pasti	2	10
	Setuju	8	40
	Sangat setuju	9	45
	Jumlah	20	100

Jadual 3: Ilmu perbandingan agama dari aspek ketuhanan dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan mualaf

Jadual 3 di atas adalah berkenaan pandangan para mualaf sama ada pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama dari aspek ketuhanan dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan mualaf. Majoriti responden, seramai sembilan orang yang mewakili 45% daripada keseluruhan responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini diikuti dengan lapan orang responden (40%) yang bersetuju, dua orang responden (10%) yang tidak pasti dan seorang sahaja (5%) yang tidak bersetuju.

Item	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Perbandingan aspek syariat antara agama-agama dapat meningkatkan kefahaman saya mengenai pelaksanaan ibadah	Tidak setuju	1	5
	Setuju	10	50
	Sangat setuju	9	45
	Jumlah	20	100

Jadual 4: Ilmu perbandingan agama dari aspek syariat dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan mualaf

Jadual 4 menunjukkan majoriti responden iaitu 19 orang (95%) mempunyai pandangan positif bahawa pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama dari aspek syariat dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan mualaf. Namun hanya seorang sahaja responden (5%) yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Item	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Perbandingan aspek etika antara agama-agama tidak dapat meningkatkan kefahaman saya mengenai akhlak Islam	Sangat tidak setuju	6	30
	Tidak setuju	6	30
	Tidak pasti	3	15
	Setuju	3	15
	Sangat setuju	2	10
	Jumlah	20	100

Jadual 5: Ilmu perbandingan agama dari aspek etika tidak dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan mualaf

Jadual 5 di atas adalah berkenaan pandangan para mualaf sama ada pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama dari aspek etika tidak dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan mualaf. Majoriti responden, seramai 12 orang yang mewakili 60% daripada keseluruhan responden berpandangan negatif dengan pernyataan ini. Ini diikuti dengan tiga orang responden (15%) yang tidak pasti, tiga orang responden (15%) yang bersetuju dan dua orang responden (10%) yang sangat bersetuju. Melihatkan pandangan mereka yang bersetuju bahawa Ilmu perbandingan agama dari aspek etika tidak dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan mualaf ini berkemungkinan berpunca daripada persepsi bahawa agama hanya merangkumi aspek akidah dan syariat sahaja. Walhal, adalah penting untuk setiap Muslim memahami dan menghayati ajaran Islam dalam kesemua ceruknya termasuklah dalam aspek akidah, syariat dan akhlak seperti mana yang terangkum dalam konsep Islam, Iman dan Ihsan dalam Hadis Jibril. (al-Bukhari, 1998, hadith no. 50, hal. 33 dan Muslim, 1998, hadith no. 10, hal. 37-38).

Item	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sumber pengajaran ilmu perbandingan agama perlu dipelbagaikan	Sangat tidak setuju	1	5
	Tidak pasti	5	25
	Setuju	9	45
	Sangat setuju	5	25
	Jumlah	20	100

Jadual 6: Sumber Ilmu perbandingan agama perlu dipelbagaikan

Jadual 6 menunjukkan majoriti responden iaitu 14 orang (70%) mempunyai pandangan positif bahawa sumber ilmu perbandingan agama perlu dipelbagaikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Seramai lima orang responden (25%) yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Namun hanya seorang sahaja responden (5%) yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Secara keseluruhannya, keseluruhan responden daripada kalangan mualaf ($N = 20, 100\%$) memberikan respon yang positif berkenaan kepentingan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf. Kesemua mereka bersetuju bahawa penerapan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan para mualaf, termasuklah dari sudut ketuhanan (akidah), ibadah dan akhlak.

Namun begitu, terdapat sebilangan kecil ($N = 5, 25\%$) dalam kalangan mualaf yang berpendapat ilmu perbandingan agama dapat mengelirukan pemahaman mualaf tentang Islam. Oleh itu, sebilangan besar responden ($N = 14, 70\%$) bersetuju dengan cadangan untuk menggunakan pelbagai sumber bagi pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf. Pelbagai sumber yang dimaksudkan di sini termasuklah menggunakan buku-buku ilmiah seperti *The Choice* (Ahmed Deedat, 1994); majalah, surat khabar, video dokumentari seperti *The Evolution Deceit*, *The Collapse of Darwinism*; rakaman ceramah ilmu perbandingan agama oleh Tuan Haji Ayub, Lim Jooi Soon, Dialog Harmoni, laman web seperti *Islamic Propagation Center International* (IPCI), *Islamic Research Foundation* (IRF) dan banyak lagi.

Elemen perbandingan agama berupaya memantapkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan para mualaf berkenaan ajaran Islam melalui metode perbandingan yang ditekankan dalam disiplin. Para mualaf akan dapat membandingkan aspek-aspek dalam ajaran Islam dengan ajaran-ajaran yang lain untuk melihat dengan lebih cermat dan teliti akan kebenaran yang ada pada ajaran Islam. Misalnya, bagi para mualaf yang pernah menganut kepercayaan animisme atau ateisme sebelum ini, melalui metode perbandingan, para mualaf akan dapat disuluh dengan jelas berkenaan perbezaan dalam konsep ketuhanan dan roh antara Islam, animisme dan ateisme. Seterusnya ini akan memberikan impak positif kepada peningkatan penghayatan Islam yang mendalam setelah para mualaf ini dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan (Al-Quran, 2:256, 35:19-20 dan 39:9) melalui pendekatan perbandingan agama yang telah digunakan.

Kepentingan Ilmu Perbandingan Agama Dari Perspektif Pengajar Mualaf

Soalan	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ilmu perbandingan agama sangat penting untuk meningkatkan kefahaman Islam para muallaf	Setuju	2	40
	Sangat setuju	3	60
	Jumlah	5	100

Jadual 1: Kepentingan Ilmu perbandingan agama

Jadual 1 menunjukkan keseluruhan pengajar mualaf bersetuju bahawa ilmu perbandingan agama sangat penting untuk meningkatkan kefahaman mualaf tentang Islam. Seramai tiga orang responden (60%) yang sangat bersetuju dan seramai dua orang responden (40%) juga yang bersetuju dengan pernyataan ini.

Soalan	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ilmu perbandingan agama akan mengganggu kelancaran pemahaman Islam para mualaf	Sangat tidak setuju	1	20
	Tidak setuju	2	40
	Tidak pasti	1	20
	Setuju	1	20
	Jumlah	5	100

Jadual 2: Ilmu perbandingan agama mengganggu kelancaran pemahaman mualaf

Jadual 2 menunjukkan majoriti responden iaitu tiga orang (60%) tidak bersetuju bahawa ilmu perbandingan agama mengganggu kelancaran pemahaman mualaf tentang Islam. Manakala seorang responden (20%) tidak pasti dengan pernyataan ini. Selebihnya iaitu seorang juga responden (20%) bersetuju dengan pernyataan ini.

Soalan	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Perbandingan aspek ketuhanan antara agama-agama dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan tauhid	Setuju	2	40
	Sangat setuju	3	60
	Jumlah	5	100

Jadual 3: Ilmu perbandingan agama dari aspek ketuhanan dapat meningkatkan kefahaman tauhid dalam kalangan mualaf

Jadual 3 di atas adalah berkenaan pandangan para pengajar mualaf sama ada pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama dari aspek ketuhanan dapat meningkatkan kefahaman tauhid dalam kalangan mualaf. Majoriti responden, seramai tiga orang yang mewakili 60% daripada keseluruhan responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini diikuti dengan dua orang responden (40%) yang bersetuju. Ini

menunjukkan kesemua pengajar mualaf berpandangan positif dengan pernyataan ini iaitu pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama dari aspek ketuhanan dapat meningkatkan kefahaman tauhid dalam kalangan mualaf

Soalan	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Perbandingan aspek syariat antara agama-agama dapat meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan ibadah	Setuju	2	40
	Sangat setuju	3	60
	Jumlah	5	100

Jadual 4: Ilmu perbandingan agama dari aspek syariat dapat meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan ibadah

Jadual 4 menunjukkan majoriti responden iaitu tiga orang responden (60%) sangat bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama dari aspek syariat dapat meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan ibadah dalam kalangan mualaf. Ini diikuti dengan dua orang responden (40%) pula yang bersetuju dengan pernyataan ini.

Soalan	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Perbandingan aspek etika antara agama-agama tidak dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan akhlak Islam	Tidak setuju	2	40
	Tidak pasti	2	40
	Sangat setuju	1	20
	Jumlah	5	100

Jadual 5: Ilmu perbandingan agama dari aspek etika dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan akhlak Islam

Jadual 5 di atas adalah berkenaan pandangan para mualaf sama ada pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama dari aspek etika tidak dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan akhlak Islam dalam kalangan mualaf. Seramai dua orang responden yang mewakili 40% daripada keseluruhan responden berpandangan negatif dengan pernyataan ini. Ini diikuti dengan 2 orang responden juga (40%) yang tidak pasti dan seorang responden (20%) yang sangat bersetuju.

Soalan	Jawapan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sumber pengajaran ilmu perbandingan agama perlu dipelbagaikan melalui tayangan dokumentari, mendengar ceramah dan bahan bacaan	Setuju	2	40
	Sangat setuju	3	60
	Jumlah	5	100

Jadual 6: Sumber Ilmu perbandingan agama perlu dipelbagaikan melalui tayangan dokumentari, mendengar ceramah dan bahan bacaan

Jadual 6 menunjukkan majoriti responden mempunyai pandangan positif bahawa sumber ilmu perbandingan agama perlu dipelbagaikan melalui tayangan dokumentari, mendengar ceramah dan bahan bacaan. Seramai tiga orang responden (60%) yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Dan ini diikuti dengan dua orang responden (40%) yang bersetuju dengan pernyataan ini.

Sebagai kesimpulan, bagi para pengajar mualaf, keseluruhan responden ($N = 5, 100\%$) telah memberikan respon yang positif berkenaan kepentingan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf. Kesemua mereka bersetuju bahawa penerapan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf dapat meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan para mualaf, termasuklah dari sudut ketuhanan (akidah), ibadah dan akhlak.

Namun begitu, terdapat sebilangan kecil ($N = 1, 20\%$) dalam kalangan pengajar mualaf yang berpendapat ilmu perbandingan agama

akan mengganggu kelancaran pemahaman mualaf tentang Islam. Ini mungkin kerana persepsi pengajar tersebut yang berpandangan bahawa ilmu perbandingan agama akan diajarkan secara terpisah daripada subjek-subjek lain dalam modul pengurusan mualaf seperti tauhid, fiqh, akhlak dan lain-lain. Sedangkan cadangan yang dibawa oleh artikel ini adalah melalui dua cara iaitu melalui kaedah integrasi atau secara kursus yang berasingan. Ilmu perbandingan agama dapat diintegrasikan dalam modul secara inklusif dalam pelajaran-pelajaran tauhid, fiqh, akhlak dan lain-lain dengan memilih tema-tema yang sesuai dan boleh dibuat kajian secara perbandingan antara pandangan Islam serta agama-agama lain. Oleh itu, sepiritimana dalam kalangan mualaf juga, sebilangan besar responden ($N = 5, 100\%$) bersetuju dengan cadangan untuk menggunakan pelbagai sumber bagi pengajaran dan pembelajaran ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf. Pelbagai sumber yang digunakan di sini akan dapat menarik minat para mualaf serta meningkatkan kefahaman dan penghayatan mereka tentang Islam.

Pelbagai modul peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang turut menerapkan elemen ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf. Antaranya *Sistem dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Saudara Muslim (SMPPSM)* oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Zulkiple Abd Ghani et al., 2009), *A Guide for the New Muslim* (Jamaluddin M. Zarabozo, 2009) dan *A Program of Studies for New Muslims* (Mohammed Moinuddin Siddiqui, 1996). Kesemua ini dilakukan adalah untuk meningkatkan keberkesanan proses dan kualiti pengajaran serta pembelajaran dalam kalangan mualaf terutamanya untuk menghayati Islam sebagai cara hidup yang unggul. Malah perkara ini turut termasuk dalam salah satu pedagogi Rasulullah SAW dalam mengajar umatnya yang dilabelkan oleh Almarhum Syeikh Muhammad Abdul Fattah Abu Ghuddah sebagai: *Ta'limuhu SAW bi al-Tashbih wa Darb al-Amthal* dan *Ta'limuhu SAW bi al-Qasas wa Akhbar al-Madin*. (2004) Malah, perkara ini juga merupakan aplikasi kepada *al-Mu'alajah bi al-Addad* seperti yang telah disarankan oleh Imam al-Ghazaliyah dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* (1982) dalam menawarkan penyelesaian kepada beberapa perkara yang penting berkaitan penyakit dan pendidikan.

PENUTUP DAN CADANGAN

Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa ilmu perbandingan agama sangat penting untuk diterapkan dalam modul pengurusan mualaf. Ini dapat diteladani daripada contoh-contoh yang telah ditonjolkan oleh para *salaf al-salih* seperti Salman al-Farisiyy dan kalangan mualaf kontemporari seperti Tuan Haji Ayub, Saudara Shah Kirit, Allahyarham Maryam Jameelah dan Allahyarham Muhammad Asad.

Oleh yang demikian, artikel ini mencadangkan agar kesemua institusi pengajaran dan latihan mualaf di Malaysia khususnya, atau antarabangsa umumnya, untuk menerapkan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf masing-masing. Menerusi penerapan kandungan ilmu perbandingan agama dalam modul pengurusan mualaf, para mualaf akan dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan mereka berkenaan ajaran Islam secara perbandingan dengan agama-agama lain. Malah perkara ini turut termasuk dalam salah satu pedagogi Rasulullah SAW dalam mengajar umatnya dan juga merupakan aplikasi kepada teori-teori pendidikan Islam menurut al-Quran al-Karim, al-Sunnah dan inovasi para ulama muktabar.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abu Daud, Sulayman ibn al-Ash'ath. 1997. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Ahmad ibn Hanbal. 1999. *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Ahmad Shalabiyy. (1988). *Muqaranah al-Adyan*. Cairo: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

Ahmed Deedat. (1994). *The Choice: Islam and Christianity*. South Africa: Islamic Propagation Centre International.

Al-Asbahaniyy, Abu Nu'ayym. (1998). *Ma'rifah al-Sahabah*. Riyadh: Dar al-Watan Li al-Nashr

Al-Bukhariyy, Muhammad ibn Isma'il. 1998. *Sahih al-Bukhariyy*. Riyadh: International Ideas Home for Publishing & Distribution.

Al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. (1982). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Ghazaliyy, Muhammad. (1420). *al-Radd al-Jamil Li Ilahiyyah Isa Bi Sarih al-Injil*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.

Al-Isfarayiniyy. (2010). *al-Tabsir fi al-Din*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah Li al-Turath

Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. (1407H) *Hidayah al-Hayara Fi Ajwibah al-Yahud Wa al-Nasara*. Madinah Nasr: al-Maktabah al-Qayyimah.

Al-Shahrastaniyy, Muhammad Ibn 'Abd Al-Karim. (1993). *al-Milal Wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Suyutiyy. (1967). *al-Khasa'is al-Kubra*. t.tp: Dar al-Kutub al-Hadithiyyah.

Dawkins, Richard. (2006). *The God Delusion*. Boston: Houghton Mifflin

Freud, Sigmund. (1961). *The Future of an Illusion*. New York: W.W.Norton & Company Inc.

- Ghulam Haider Aasi. (1989). *The Qur'an and Other Religious Traditions. Hamdard Islamicus.* vol. 9. no. 2. Hal. 65.
- Ibn Taimiyyah. (1999). *al-Jawab al-Sahih Li Man Baddala Din al-Masih.* Riyad: Dar al-Asimah.
- Jamaluddin M. Zarabozo. (2009). *A Guide for the New Muslim.* t.tp: Islamhouse.com.
- Khatijah Othman et. al. (2011). *Peranan Dan Nilai Agama Dalam Kehidupan Belia Di Lembah Klang.* (Penyelidikan Universiti) Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Lawrence, Bruce. (1976). *Shahrastani on the Indian Religions.* Mouton: Mouton Co.
- Maryam Jameelah. (1992). *Why I Embraced Islam?* Jeddah: Abul-Qasim Publishing House.
- Metz, Adam. (1937). *The Renaissance of Islam.* Patna: The Jubilee Printing & Publishing House.
- Mohammed Moinuddin Siddiqui. (1996). *A Program of Studies for New Muslims.* Saudi Arabia: International Islamic Publishing House.
- Muhammad Abdul Fattah Abu Ghuddah. (2004). *al-Rasul al-Mu'allim Wa Asalibuhu Fi al-Ta'lim.* Damsyik: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Muhammad Abu Zahrah. (1965). *Muqaranat al-Adyan: al-Diyarat al-Qadimah.* Mesir: Ma'had al-Dirasat al-Islamiyyah.
- Muhammad Asad. (2001). *My Discovery of Islam.* New Delhi: Goodword Books.
- Muhammad Ibn Tulun. (1987). *Islam al-Sa'ilin 'An Kutub Sayyid al-Mursalin.* Beirut: Muassasah al-Risalah
- Muller, F. Max. (1901). *Lectures on the Origin and Growth of Religions as Illustrated by the Religions of India.* London & Bombay: Longmans, Green & Co.

Kepentingan Ilmu Perbandingan Agama Dalam Modul Pengurusan

- Muslim ibn al-Hajjaj. 1998. *Sahih Muslim*. Riyadh: International Ideas Home for Publishing & Distribution.
- Raines, John. (ed.). (2002). *Marx on Religion*. Philadelphia: Temple University Press.
- Sharpe, Eric John. (1986). *Comparative Religion: A History*. Illinois: Open Court.
- Zulkiple Abd Ghani et. al. (2009). *Sistem dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Saudara Muslim (SMPPSM)*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.